

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	22 MARCH 2017

# Debat Nazri, Dr Mahathir ditunda 7 April depan

BH - 22/3/2017

**Debat** antara Menteri Pelancongan dan Kebudayaan, Datuk Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz dengan Tun Dr Mahathir Mohamad ditunda pada 7 April depan di bangunan Kumpulan Media Karangkrak, Shah Alam.

Nazri yang juga Ahli Parlimen Padang Rengas berkata, pihaknya meminta Ahli Parlimen Shah Alam, Khalid Samad untuk menjadi moderator debat itu yang akan diadakan pada jam 9.30 malam.

Beliau berkata, Khalid dipilih sebagai moderator kerana tidak mahu orang ramai mempunyai tanggapan bahawa debat itu hanya bertujuan meraih batuan politik jika moderator dilantik dalam kalangan pemimpin Barisan Na-

sional (BN).

“(Bekas Perdana Menteri) Tun Dr Mahathir bagi syarat untuk saya selesaikan perkara ini menjelang jam 1 tengah hari, esok, termasuk mendapat persetujuan polis mengenai lokasi penganjuran.

## Sukar penuh syarat

“Bagaimanapun, sukar untuk saya penuhi syarat ini kerana polis Perak sudah mengeluarkan kenyataan bahawa debat di Kuala Kangsar tidak mendapat permit.

“Oleh itu, penganjur ada hubung untuk tangguhkan debat pada 29 Mac ini, tetapi ia tidak dipenuhi kerana saya mempunyai isu yang perlu diselesaikan menerusi rombongan Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan ke

**Nazri ketika ditemui di lobi Parlimen, semalam.**



[FOTO MUHD ZAABA ZAKERIA/BH]

India,” katanya kepada pemberita di lobi Parlimen, semalam.

Sehubungan itu, Nazri meminta penganjur untuk menunda debat pada 7 April, selain diadakan di bangunan persendirian kerana ia tidak tertakluk kepada Akta Perhimpunan Aman 2012.

Selain itu, katanya, kutipan sumbangan kepada masyarakat Rohingya akan dibuat sempena penganjuran debat berkenaan bagi memastikan program itu mempunyai matlamat khusus dan manfaat ke-

pada golongan memerlukan.

“Saya minta supaya orang ramai yang hadir memberi sedikit sumbangan ikhlas untuk masyarakat Rohingya supaya wacana ilmiah ini tidak dipandang serong sebagai program sia-sia.

“Apa yang saya buat sekarang adalah berdasarkan kehendak saya, iaitu untuk mewujudkan budaya dalam negara ini supaya mengadakan wacana ilmiah, berbanding menggalakkan perbalahan antara pemimpin,” katanya.